

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
SESI 2006/2007 DAN PENGHARGAAN KEPADA MANTAN MAJLIS PERWAKILAN
PELAJAR (MPP) SESI 2005/2006
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:
DEWAN KUTKM 1
AYER KEROH, MELAKA**

**TARIKH :
26 SEPTEMBER 2006**

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS
PENYAMPAIAN WATIKAH KEPADA MAJLIS
PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2006/2007 DAN
PENGHARGAAN KEPADA MANTAN MAJLIS
PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2005/2006
PADA 26 SEPTEMBER 2006 (SELASA) JAM 5.30
PETANG BERTEMPAT DI DEWAN KUTKM 1

BISMILLAHHIRAHMANIRRAHIM,

ASSAMUALAIKUM WARAMATULLAHI
WABARAKATUH DAN SELAMAT SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA DAN BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS
PERWAKILAN SESI 2006/2007

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA
PELAJAR YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN RASA KESYUKURAN KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA HADIR DALAM MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2006/2007 DAN PENGHARGAAN KEPADA MANTAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2005/2006.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

PROSES PEMILIHAN MPP INI TELAH SELAMAT KITA ADAKAN PADA 21 SEPTEMBER 2006 YANG LALU DENGAN LANCAR. UNTUK MAKLUMAN PARA HADIRIN, SEBELUM HARI PEMILIHAN KITA TELAH MENGADAKAN HARI PENAMAAN CALON PADA 18 SEPTEMBER 2006 DAN TELAH MENERIMA PENCALONAN SERAMAI 32 ORANG IAITU SERAMAI 11 ORANG BERTANDING UNTUK KAWASAN UMUM

DAN 21 ORANG BERTANDING BAGI KAWASAN FAKULTI.

PADA KALI INI TERDAPAT CALON-CALON DARI PELBAGAI KAUM IAITU ANTARANYA 3 ORANG PELAJAR CINA, 2 ORANG PELAJAR INDIA DAN SEORANG PELAJAR DARI SABAH. INI MENUNJUKKAN SIKAP KETERBUKAAN KITA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA PELAJAR YANG BERBILANG BANGSA UNTUK BERTANDING BAGI MENGANGGOTAI BARISAN EXCO MPP.

KEPUTUSAN PEMILIHAN PADA KALI INI MENUNJUKKAN PENINGKATAN DARI SEGI JUMLAH PELAJAR YANG TURUN MENGUNDI IAITU 67.99% BERTANDING PADA TAHUN LEPAS IAITU 60.4%. INI MENUNJUKKAN KESEDARAN PARA PELAJAR TELAH MENINGKAT DAN MEREKA MENGGUNAKAN SEPENUHNYA HAK UNTUK MEMILIH WAKIL MEREKA BAGI MEMPERJUANGKAN DAN MENYAMPAIKAN

SUARA MEREKA DALAM PELBAGAI ISU SAMA ADA KEBAJIKAN, AKADEMIK, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI ASRAMA DAN HAL-HAL YANG BERKAITAN KEMAHASISWAAN.

KEPUTUSAN DARI SEGI PELAJAR YANG TURUN MENGUNDI MENGIKUT FAKULTI PULA MENUNJUKKAN FKEKK TELAH MENCATATKAN PERATUSAN YANG TERTINGGI IAITU 79.08%, DIIKUTI FTMK IAITU BERJUMLAH 69.11%, FKP BERJUMLAH 68.71%, FKM BERJUMLAH 63.61% DAN YANG TERAKHIR FKE BERJUMLAH 58.74%. NAMUN BEGITU JUMLAH INI PERLU DITINGKATKAN LAGI KERANA MASIH TERDAPAT PELAJAR-PELAJAR YANG TIDAK MENGUNDI. INI MENUNJUKKAN SIKAP TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENUNAIKAN HAK MEREKA SEBAGAI PENGUNDI.

UNTUK PENGETAHUAN PARA HADIRIN, PENGUNDIAN PADA TAHUN INI PERTAMA KALINYA

DIBUAT SECARA E-VOTING YANG DIBANGUNKAN OLEH PUSAT KOMPUTER KUTKM. INI JUGA TELAH MENARIK PARA PELAJAR UNTUK TURUN MENGUNDI KERANA DENGAN SISTEM E-VOTING INI PROSES PEMILIHAN DAPAT DISINGKATKAN DAN MENJIMATKAN MASA. DI SAMPING ITU IA DAPAT MENGELAKKAN DARIPADA PELAJAR UNTUK BERATUR PANJANG.

TERDAPAT 9 TEMPAT PEMBUANGAN UNDI DISEDIAKAN IAITU DI BANGUNAN PENTADBIRAN FKE, BANGUNAN PENTADBIRAN FKEKK, RUANG LEGAR BANGUNAN AKADEMIK, KANTIN/KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI, LALUAN KE PUSAT KOMPUTER, MAKMAL FASA B, KOLEJ KEDIAMAN BUNGA RAYA, KOLEJ KEDIAMAN MURNI DAN KOLEJ KEDIAMAN TAMAN TASIK UTAMA. INI MEMUDAHKAN PARA PELAJAR DAN MEREKA BOLEH MEMBUANG UNDI DI MANA-MANA SALAH SATU TEMPAT PEMBUANGAN

UNDI. OLEH ITU TIADA ALASAN KEPADA PELAJAR UNTUK TIDAK MENGUNDI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

PROSES PEMILIHAN MPP INI ADALAH PERLU SEBAGAI SATU PROSES BAGI MELATIH PARA PELAJAR AKAN KEPENTINGAN HAK MEREKA DALAM MEMILIH PUCUK KEPIMPINAN YANG DIADAKAN SECARA DEMOKRASI. BAHKAN YANG LEBIH PENTING IALAH PEMILIHAN INI AKAN DAPAT MELATIH PARA PELAJAR UNTUK MENJADI SEORANG PEMIMPIN PADA MASA AKAN DATANG.

OLEH ITU KEPADA BARISAN MPP YANG BAKAL DILANTIK SELEPAS INI SAYA INGIN MENINGATKAN SUPAYA MENGGUNAKAN MANDAT YANG TELAH DIBERIKAN DENGAN SEPENUHNYA. JALANILAH TANGGUNGJAWAB INI DENGAN PENUH AMANAH

DAN DEDIKASI. PERJUANGKANLAH ISU-ISU MAHASISWA KUTKM TIDAK SAHAJA DI DALAM KAMPUS TETAPI JUGA DI LUAR KAMPUS DENGAN BERKESAN DAN BIJAKSANA.

TUNJUKKAN DAYA KEPIMPINAN ANDA SEMASA DI SINI KERANA ANDA ADALAH ANTARA BARISAN PELAPIS YANG AKAN MENYAMBUNG KEPIMPINAN NEGARA YANG SEDIA ADA SEKARANG. DALAM DUNIA YANG SEMAKIN MENCABAR INI, NEGARA MEMERLUKAN SEORANG PEMIMPIN BERILMU DI SAMPING MEMPUNYAI SEMANGAT YANG KENTAL. SEMUANYA INI DAPAT DIBINA SEMASA ANDA MENJADI PEMIMPIN DI UNIVERSITI LAGI.

BERIKAN KERJASAMA YANG BAIK KEPADA PIHAK UNIVERSITI DAN JADILAH SEORANG PEMIMPIN YANG BERHEMAH SEMASA MEMBUAT SESUATU TINDAKAN DAN KEPUTUSAN. BELAJARLAH UNTUK MENJADI SEORANG PEMIMPIN YANG MATANG.

KEMATANGAN ANDA DALAM MENANGANI ISU-ISU YANG BERKAITAN SEHARUSNYA DIBUAT SECARA RASIONAL DAN BERSIFAT TERBUKA. JAUHILAH DARI BERSIKAP EMOSI DALAM MEMBUAT SESUATU TINDAKAN KERANA IA TIDAK SAHAJA AKAN MEROSAKKAN NAMA ANDA TETAPI JUGA NAMA DAN IMEJ UNIVERSITI.

DALAM KONTEKS DUNIA YANG SEMAKIN GLOBAL, SEHARUSNYA EXCO-EXCO MPP KUTKM TELAH MAMPU UNTUK MEMBANGKITKAN ISU-ISU PADA PERINGKAT NASIONAL DAN INTERNASIONAL. KITA PERLU LEBIH SENSITIF DAN PEKA DENGAN PERKARA-PERKARA YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA. TUNJUKKAN KEBERANIAN UNTUK MEMBAHAS DAN MEMBERI PANDANGAN TERHADAP ISU-ISU KEMANUSIAAN DAN SOSIAL YANG ADA.

KEPADA MANTAN-MANTAN MPP, SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA

KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG TELAH DITUNJUKKAN SELAMA INI. HARAPAN SAYA IALAH KERJASAMA DAN KOMITMEN YANG TELAH DIBERIKAN SELAMA INI PERLU DITERUSKAN LAGI BAGI MEWUJUDKAN KESINAMBUNGAN KEPIMPINAN. ANDA PERLU MEMBERI TUNJUK AJAR KEPADA BARISAN KEPIMPINAN YANG BARU DILANTIK. PENGALAMAN YANG TELAH DITEMPOHI SELAMA INI ADALAH SESUATU YANG AMAT BERTERIMA KASIH.

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2006/2007 YANG BARU DILANTIK DAN RIBUAN TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2005/2006 YANG SELAMA INI TELAH MENABUR BAKTI DAN KERJASAMA KEPADA PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI.

SEKIAN. WABILLAHIT TAUFIK WAL HIDAYAH
WASSALAMU 'ALAIKUM WARAMATULLAHI
WABARAKATUH.